

Mahathir sifatkan pemimpin2 PAS dikuasai perasaan tamak

ALUR SETAR 30 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mensifatkan pemimpin-pemimpin PAS sebagai "dikuasai oleh perasaan tamak" hingga sanggup mencipta berbagai perkara yang bercanggah dengan Islam sendiri untuk mengejar "duit minyak" di Terengganu.

"Sebenarnya PAS sekarang ini memandang ke Timur dengan menumpukan kegiatan di Terengganu, tetapi tumpuan mereka ini bukan kerana mereka nampak Kaabah, bukan kerana nampak agama, tetapi semata-mata kerana mereka nampak telaga minyak" tegas Perdana Menteri.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Alur Setar di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir sekali lagi mengingatkan bahawa peristiwa yang berlaku di Timur Tengah dan di negara Teluk tidak mustahil akan berlaku

asalkan boleh jadi wakil rakyat dan boleh berkuasa memerintah negeri.

"Setelah kecewa atau "frust" kerana tidak dapat berkuasa dalam pilihanraya lalu jadi mereka cipta pula bermacam-macam perkara seperti peristiwa dua imam ini.

"Ini semua ciptaan mereka sahaja suatu ciptaan baru oleh pihak PAS semata-mata untuk kepentingan politik," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan mereka ini sebagai orang-orang yang sudah lupa daratan, lupa bahawa perpaduanlah yang membawa ke-

kedudukan sebagai imam untuk mencerca kerajaan, untuk menimbulkan perpecahan di kalangan umat, untuk membawa ajaran-ajaran yang sesat atau untuk menyusup fahaman subversif" ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri kurang memahami sebab-sebab sebenarnya mereka menganggap tauliah itu tidak perlu sebab sebelum ini, iaitu semasa mereka menjadi imam dulu, mereka menganggap ia perlu dan penting dan mereka menerima tauliah kerajaan itu.

juga di negara ini.

Beliau menyebut di Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini salah sebuah negara Teluk dengan megahnya mengisytiharkan kepada dunia bahawa ia telah berjaya membunuh 3,500 orang tentera musuh

"Cubalah kita bayangkan, di hari yang mulia umat Islam berperang sesama sediri dan dengan megah pula mengisytiharkan kepada dunia, adakah kita hendak perkara ini berlaku di negara kita? Kalau tidak kenalah kita jaga, sebab ia boleh berlaku dan tidak mustahil akan berlaku kiranya peristiwa seperti dua imam ini dibiarkan berleluasa," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, apa yang dilakukan oleh PAS di Terengganu itu jelas menampilkan bukan kerana parti itu parti Islam tetapi kerana ia di kuasai oleh orang-orang yang tamak untuk berkuasa hingga sanggup melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam sendiri," mencekutkan perpecahan di kalangan umat Islam semata-mata untuk kepentingan politik", tegasnya.

Tambah beliau "bagi mereka akidah hilang sama sekali pun tak apa

merdeka kepada negara dulu dan kini mereka cuba menghancurkan pula perpaduan itu dengan mencetuskan peristiwa dua imam, merampas masjid dan mengecam kerajaan yang menolong rakyat, katanya.

Malah, menurut beliau sekarang bukan satu atau dua imam lagi, tetapi khabarnya sudah jadi hingga tiga imam dengan menambahkan satu lagi imam untuk perempuan. "Ini semua tidak disuruh oleh Tuhan. Malah ia bercanggah dengan ajaran Islam sendiri", katanya.

"Ini jelas menampilkan seolah-olah mereka tidak takut pada Tuhan. Kalau mereka takut tentu sekali mereka tidak buat perkara yang bertentangan dengan ajaran agama", tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, peristiwa dua imam ini berlaku kerana mereka tidak mengiktiraf imam yang ditauliahkan oleh kerajaan sebab imam tidak perlu tauliah.

"Mereka hendak ikut di zaman Nabi dulu kononnya tidak ada pun tauliah untuk menjadi imam sesiapa juga boleh menjadi imam. Tetapi di zaman Nabi dulu tidak ada yang menggunakan

Demikian juga dengan golongan yang tidak hendak bersembahyang di masjid kerana kononnya ia dibina oleh kerajaan dan sebaliknya bersembahyang pula di sebuah kelab, tetapi malangnya orang-orang itu semasa mereka datang ke Kuala Lumpur, mereka bersembahyang di Masjid Negara juga," tambahnya.

Dengan itu, kata beliau, "jelaslah bahawa apa yang dilakukan oleh mereka itu bukan kerana agama tetapi kerana politik. Inilah orang yang memperalatkan agama untuk kepentingan politik".

Menurut beliau, perkara seperti ini tidak timbul sama sekali di masa dulu. Ia heboh sekarang dengan tertumpu ke Terengganu satelah negeri itu akan menikmati kekayaan dari hasil minyaknya.